

ANCAMAN AJARAN SESAT TERHADAP KEHARMONIAN RAKYAT MALAYSIA¹.

Oleh:
Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid
Dato' Seri Utama Diraja
Mufti Negeri Selangor.

Abstrak

Dalam sejarah Islam, golongan ulama' sebagai intelektual nyata telah berperanan besar dalam mengolah kehidupan ummah, di samping menangani cabaran dalaman dan luaran yang dihadapi dan menentu-corakkan masa depan umat Islam. Kehadiran, penglibatan dan komitmen golongan berilmu amat diperlukan berikutan pensejagatan rancak fahaman-fahaman yang menyeleweng daripada landasan syariat yang sebenar. Justeru, tugas dan tanggungjawab para ilmuwan Islam hari ini amat besar cabarannya dalam menangani krisis yang berkaitan dengan aqidah umat Islam hari ini.

PENDAHULUAN.

Ajaran salah/sesat merupakan satu manifestasi bagi satu proses yang telah bermula sejak beberapa lama dahulu. Negara kita Malaysia, tidak terlepas daripada gejala besar ini yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam dan boleh menggugat perpaduan ummah. Sebahagian besar daripada ajaran sesat ini jelas menampakkan fahaman-fahaman atau amalan-amalan yang bertentangan dan menyeleweng dari syariat Islam sebenar.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan pada Simposium Dakwah Daerah Klang, 03 Februari 2007, Klang, Selangor.

Berbagai-bagai bentuk ajaran sesat telah muncul dan menular dalam masyarakat Islam, dan ia telah berjaya mempengaruhi bukan sahaja golongan yang cetek ilmu pengetahuannya sahaja, malah golongan profesional termasuk mereka yang dalam bidang agama juga turut terpengaruh. Gejala ini boleh memesongkan aqidah mereka yang terpengaruh dengan golongan yang sentiasa mencari peluang untuk menghancurkan Islam, di samping memenuhi kepentingan tertentu. Gerakan ini ada yang dijalankan secara terang-terangan dan ada juga yang bergerak secara halus dan tersembunyi tanpa disedari.

DEFINISI AJARAN SALAH / SESAT.

*Ajaran salah atau sesat boleh diertikan sebagai ‘sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa ajaran atau amalan yang dibawanya itu adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam; sedangkan pada hakikatnya ajaran atau amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan kepada Al-Quran dan As-Sunnah serta bercanggah dengan aqidah dan syariat Islam’.*²

Hj. Mohamed Amin Salleh, mantan Pengarah YADIM, mendefinisikan ajaran salah atau sesat sebagai *‘semua bentuk ajaran atau amalan yang didapati bertentangan dengan syariat Islam atau bertentangan dengan mana-mana sumber hukum Islam (al-Quran, Hadis, Ijma’ dan Qias) sedangkan ajaran dan amalan yang bertentangan itu didakwa atau dikatakan dari ajaran Islam, serta diajarkan kepada masyarakat sama ada dengan secara sulit atau rahsia atau untuk ahli sahaja atau diajarkan dengan secara terbuka kepada orang ramai, seterusnya ajaran itu diamalkan atau menjadi pegangan kepada individu atau kumpulan yang berkenaan’.*³

² Definisi yang disepakati oleh MABIMMS dan diterima oleh JAKIM.

³ Dalam Kertas Kerja ‘Ciri-ciri Kesesatan Dalam Sesuatu Amalan /Ajaran, Muzakarah Kefahaman Islam, Singapura.

Allah s.w.t. berfirman dalam surah al-Ahzab, ayat 36:

Maksudnya: Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas.

Begitu juga dengan sabda Rasulullah s.a.w.:

Maksudnya: Barangsiapa yang mengada-adakan dalam urusan agama kami ini suatu pekerjaan yang bukan daripadanya (agama) maka (yang diada-adakan) itu tertolak.

(riwayat Bukhari dan Muslim).

Justeru itu, ajaran salah atau sesat merupakan rekaan-rekaan yang wujud dalam persoalan prinsip agama yang tiada sandarannya dalam al-Quran, hadis, ijma' atau qias. Sebagaimana Islam itu sendiri terbahagi kepada aqidah, syariat dan akhlak, maka kesesatan juga boleh berlaku dalam tiga aspek tersebut sama ada secara berasingan atau merangkumi keseluruhannya.

Istilah-istilah seperti '*fanatik agama*', '*pelampau agama*' dan '*ekstrimis agama*' atau '*ortodok*' tidak boleh digunakan kerana istilah tersebut boleh membawa makna yang berlainan dan tidak dapat memberi satu pengertian ajaran sesat yang sebenar, di samping ianya akan memberi kesan yang tidak baik kepada imej umat Islam dan perkembangan Islam itu sendiri.

SEJARAH PENYELEWENGAN AQIDAH.

Dari segi sejarah, Islam merupakan satu agama yang suci dan bersih daripada unsur-unsur kesesatan dan penyelewengan. Walaubagaimanapun, ajaran sesat telah mula wujud semenjak kewafatan Rasulullah S.A.W. dengan kemunculan Musailamah al-Kazzab yang mendakwa dirinya sebagai nabi. Semenjak zaman Rasulullah S.A.W. lagi seterusnya zaman para Sahabat r.a. sehinggalah kini, musuh-musuh Islam yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama, sentiasa bergerak bagi merosak dan menghancurkan agama

Islam dan umat Islam. Mereka telah mendapat kejayaan pada zaman Bani Umayyah dan selepasnya. Pada peringkat awalnya mereka hanya berjaya menyogokkan hadis-hadis palsu di kalangan umat Islam.

Kemudian terdapat golongan yang mencampur-adukkan aqidah dan syariat dengan pelbagai cara, antaranya mencampur-adukkan aqidah Islam dengan aqidah Majusi, Nasrani dan seterusnya lahirlah ajaran berbentuk '*batiniah*'. Ajaran ini mencampur-adukkan pelbagai kepercayaan tradisional sesuatu bangsa dan mempelbagaikan penyelewengan aqidah dengan ajaran Islam.

Meneroka kepada fenomena ajaran sesat di negara kita, hakikat yang perlu kita akui, terdapat banyak ajaran sesat yang muncul di tengah-tengah kelompok masyarakat dari masa ke semasa ketika ini. Kemunculan kebanyakan ajaran sesat ini dipercayai berpunca daripada pengaruh, kebudayaan, adat, mencari kemasyhuran, kekayaan, bermotifkan seks serta kepercayaan lama yang mengandungi unsur-unsur animisme dan dinamisme serta dicampuraduk dengan doktrin-doktrin lain seperti Kristianiti, Hinduisme, Buddhisme, Neo-Platonisme dan lain-lain lagi yang meresap dalam ajaran Islam.

Di Malaysia, sebilangan masyarakat kita menerima pengaruh yang kuat daripada tradisi '*world view*' masyarakat negara tetangga iaitu Indonesia. Aliran-aliran kepercayaan yang berpengaruh daripada negara jiran tersebut seperti aliran-aliran kebatinan telah mencampur-adukkan antara tradisi kepercayaan lama dengan tradisi Hindu-Buddha yang kemudiannya diselitkan dengan unsur-unsur Islam. Adalah dipercayai ajaran sesat telah muncul di Malaysia pada awal abad ke 19 di Kampung Seronok, Seberang Perai, Pulau Pinang. Ia dikenali sebagai Ajaran Taslim yang diasaskan oleh Hj. Mohammad bin Shafie atau lebih dikenali sebagai Hj. Ahmad Matahari. Di Selangor, ajaran sesat yang mula bertapak adalah Ajaran Ahmadiyah/Qadiani bertempat di Jeram, Kuala Selangor pada tahun 1930-an. Ajaran ini telah difatwakan oleh para ulama' seluruh dunia sebagai terkeluar daripada ajaran Islam.

JENIS-JENIS AJARAN SALAH / SESAT.

1. Melalui pengajaran.

Penyusunan ajaran salah / sesat melalui kelas-kelas pengajian agama yang kebiasaannya bermula dengan pengajian asas sama ada berkaitan aqidah (seperti cara untuk mengenal Tuhan), syariat (bab fiqh atau ibadah khusus seperti sembahyang, puasa dan zakat) atau pun akhlak (seperti adab dalam majlis ilmu, adab kepada guru dan sebagainya). Pengikut dijanjikan pelbagai kelebihan dan keistimewaan oleh guru ajaran sesat seperti dijamin masuk syurga, diampunkan dosa dengan cara menebusnya melalui bayaran tertentu, terselamat dari soalan dalam kubur dan sebagainya.

Kebiasaannya pengikut atau pengamal ajaran sesat tidak berpandukan kepada sesebuah kitab atau buku karangan ulama' muktabar sebagai rujukan. Tetapi hanya diberikan nota atau dengan mencatat dan menyalin semula buku yang dikarang oleh guru kumpulan tersebut. Melalui nota atau catitan tersebut, guru kumpulan ajaran sesat ini akan memainkan peranan memesonkan pemikiran pengikutnya melalui pengajaran yang disampaikan.

2. Melalui kumpulan tarikat.

Bagi memerangkap masyarakat Islam yang lemah pegangan dan cetek pengetahuan mengenai ajaran Islam, kebiasaannya guru ajaran sesat menggunakan nama-nama tarikat yang mahsyur seperti Naqsyabandiah, Mufarridiyah dan lain-lain. Tetapi dalam amalan dan pelaksanaannya, guru tarikat tersebut menokok tambah seperti mengadakan sistem berwirid dan bersuluk di dalam gua atau bilik-bilik khas dalam keadaan bercampur antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim. Salasilah guru tarikat juga meragukan dan terputus dari salasilah yang asal dan

diyakini. Sesetengah guru tarikat juga mendakwa amalan tarikat itu diambil terus dari Rasulullah s.a.w.

3. Melalui kepercayaan, amalan tradisi dan pemujaan (mistik dan kultus).

Pengajaran dan pembelajaran melalui kepercayaan dan amalan tradisi merupakan jalan atau cara yang paling mudah bagi masyarakat Melayu/Islam menerima dan kemudiannya terpengaruh dengan kumpulan ajaran sesat. Antara contohnya adalah melalui amalan perdukunan atau perbomohan dan rawatan tradisional seperti kaedah rawatan yang mendakwa kehadiran para wali Allah ke dalam tubuh perawat bagi membantu merawat pesakit atau menyelesaikan masalah mereka.

Begitu juga dengan amalan pemujaan ke tempat-tempat tertentu yang dianggap sebagai keramat atau wali yang mempunyai kelebihan. Contohnya amalan memuja kubur, busut, bukit atau lain-lain yang seumpamanya. Kepercayaan kepada kuasa kesaktian melalui amalan seni mempertahankan diri, berdukun, perbomohan, mendakwa mendapat ilmu daripada mimpi, orang halus, sahabat dan syeikh tertentu melalui isyarat, amalan menurun dan sebagainya.

ASPEK-ASPEK PENYELEWENGAN DALAM AJARAN SESAT.

Penyelewengan dalam ajaran sesat ini boleh dikategorikan kepada 2 kategori utama, iaitu:

Penyelewengan dari sudut aqidah.

1. Menyentuh kepercayaan kepada Allah iaitu manusia dapat bercantum dengan zat Allah sehingga dapat melihat dan menggambarkan sifat Allah di hadapan mata.
2. Mengaku diri sebagai Imam Mahdi.

3. Mengaku diri sebagai Nabi Isa.
4. Mengaku diri sebagai Rasul setelah kewafatan Nabi Muhammad s.a.w.
5. Mengaku menerima wahyu dari Allah.
6. Menafikan adanya qada' dan qadar Allah. Ia bercanggah dengan hadis Rasulullah s.a.w. :

Maksudnya: Iman itu ialah beriman kepada Allah, para malaikat, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari akhirat dan qadar (ketentuan Allah) yang baik dan yang buruk.

(riwayat Bukhari dan Muslim)

Penyelewengan dari sudut syariah.

1. Menambah atau mengubah rukun dan syarat sembahyang sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syariat Islam atau menyatakan sembahyang hanya cukup dengan niat. Prinsip utama dalam menunaikan sembahyang adalah mengikuti sebagaimana yang telah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. :

Maksudnya: Sembahyanglah sebagaimana kamu melihat aku sembahyang.

(riwayat Bukhari)

2. Menafikan kewajipan berpuasa atau melakukan ibadah puasa hanya dengan niat sahaja.
3. Menafikan kewajipan berzakat atau zakat hanya memadai dengan mengeluarkannya kepada ketua atau guru sahaja. Sedangkan dalam Islam zakat itu wajib dikeluarkan apabila sampai nisab dan cukup haul untuk diagihkan kepada asnaf yang telah ditetapkan.

4. Tidak perlu mengerjakan ibadah haji, cukup sekadar dengan membayar sejumlah wang yang tertentu kepada ketua atau guru sebagai ganti. Begitu juga dengan menyatakan boleh mengerjakan ibadah haji di tempat lain selain Mekah.
5. Segala perkara yang diharamkan Allah akan gugur apabila seseorang itu sudah sampai ke tahap atau martabat yang tinggi setelah ia menunaikan syarat-syarat tertentu yang diarahkan oleh ketua atau guru.

CIRI-CIRI AJARAN SALAH / SESAT.

1. Mempercayai bahawa kuasa-kuasa ghaib dan luar biasa itu ada juga pada selain daripada Allah s.w.t. Maksudnya kuasa-kuasa itu boleh ada pada manusia yang dipercayai boleh mengetahui perkara-perkara ghaib dan mempunyai kuasa di luar kemampuan manusia.⁴ Mereka ini dipercayai menggunakan unsur sihir melalui amalan tertentu dengan bantuan jin atau syaitan.
2. Ajaran atau amalan yang dilakukan tidak secara terang-terangan, sebaliknya ia dilakukan secara sembunyi, rahsia dan penyampaianya hanya kepada ahli kumpulan sahaja.
3. Ajaran yang meletakkan ketua atau guru pada taraf yang amat tinggi dan melebihi had yang biasanya diberikan kepada manusia, atau menyamatarafkan ketua atau guru dengan para wali atau para nabi/rasul. Ajaran seperti ini juga menghendaki supaya menghormati ketua atau guru dan meyakini bahawa tidak akan berhasil sesuatu maksud itu kecuali dengan usaha atau kekuasaan ketua atau guru tersebut.

⁴ Selain dari mukjizat yang diberikan kepada para nabi dan rasul, karamah, ma'unah dan istidraj.

4. Ajaran agar tidak memberi perhatian atau tidak boleh belajar dari guru-guru yang lain kerana ia akan menghalang atau menyekat dari mendapat sesuatu dari ketua atau gurunya dan tertutup limpah kurnia Allah s.w.t. kepadanya.
5. Tidak boleh mengkritik, mempertikai, mempersoal atau menegur sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh ketua atau guru sekalipun nyata perbuatan itu bercanggah dengan aqidah, syariat dan akhlak Islam.
6. Terdapat dakwaan bahawa ketua atau guru adalah dari keturunan Rasulullah s.a.w. tanpa dapat membuktikan salasilah yang jelas dan diyakini kesahihannya.
7. Meyakini bahawa setiap keberkatan yang diperolehi di dunia dan diakhirat kelak adalah hasil atau disebabkan oleh keberkatan dari ketua atau gurunya.
8. Larangan membuka rahsia mengenai ajaran kumpulan tersebut kerana percaya bahawa sekiranya membuka rahsia, seseorang pengikut akan ditimpa bahaya, musibah atau malapetaka.
9. Pengikut atau anak murid tidak dibenarkan berkahwin dengan wanita yang disukai oleh ketua atau guru, demikian juga tidak boleh berkahwin dengan bekas isteri ketua atau guru.
10. Hendaklah menghadirkan wajah guru pada setiap kali berwirid, berzikir dan berdoa agar mendapat keberkatan.
11. Menggunakan syarat-syarat tertentu kepada pengikut atau anak murid seperti perlu melunaskan bayaran yang tertentu kepada guru sebagai jaminan untuk menghapus atau menebus dosa.
12. Ketua atau guru kebiasaannya menghina, memperlekeh serta merendahkan kebolehan dan tahap ilmunan para ulama'. Mereka

mendakwa para alim ulama' yang ada pada hari ini hanya mengetahui dan memperbesarkan persoalan zahir (kulit) sahaja dan tidak membongkar rahsia yang ada dalam hukum-hukum Islam. Mereka menuduh para alim ulama' yang ada hari ini 'menyembunyikan ajaran Islam yang sebenar'.

13. Mendakwa setiap yang zahir pasti ada pula yang batin serta mendakwa mereka sahaja yang mengetahui ilmu hakikat dan ilmu isi.
14. Mengamalkan penggunaan azimat dan tangkal sebagai pelindung.
15. Mendakwa bahawa ajaran dan ilmu yang diterima itu melalui ilham dan ilmu laduni yang diterima terus daripada Allah s.w.t. atau Rasulullah s.aw. secara jaga atau melalui mimpi.
16. Ketua atau guru mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi, Nabi Isa atau Rasul bagi orang Melayu atau golongan tertentu.
17. Ketua atau guru mendakwa dirinya ma'sum (terpelihara daripada dosa).
18. Mentafsir al-Quran berdasarkan pemikiran sendiri, logik akal dan untuk kepentingan diri tanpa mempunyai ilmu dan kelayakan yang diperlukan. Tafsiran yang dilakukan amat jauh menyimpang dan berbeza dari tafsiran para ulama' muktabar.
19. Ketua atau guru mendakwa sebagai pengganti Rasulullah s.a.w.
20. Ketua atau guru mendakwa menerima wahyu dari Allah s.w.t.
21. Mendakwa masih ada nabi dan rasul selepas Nabi Muhammad s.a.w.
22. Ajaran yang dibawa mempunyai pengaruh atau unsur ajaran atau pegangan agama lain seperti Kristian dan Buddha.

23. Mendakwa boleh menunaikan haji di tempat lain selain dari Mekah.
24. Mendakwa guru boleh menjelma sebagai Rasulullah s.a.w. atau para sahabat, khususnya Khulafa' ar-Rashidin.
25. Mendakwa boleh berhubung dan berinteraksi secara terus dengan Allah s.w.t.
26. Mendakwa mengetahui ketibaan Hari Kiamat.
27. Melarang pengikut atau anak murid bernikah dengan mereka yang bukan ahli kumpulan.
28. Mendakwa boleh meminta bantuan dari orang yang telah mati.
29. Mendakwa pernah berdialog dan berkomunikasi dengan para nabi atau rasul.
30. Mendakwa tidak perlu sembahyang, puasa, menunaikan zakat dan mengerjakan haji.
31. Menafikan kelslaman orang yang bukan ahli kumpulan mereka.

PUNCA SERTA MOTIF BERLAKU AJARAN SALAH / SESAT.

Kemunculan, peneruan dan perkembangan ajaran salah / sesat pada ketika ini berada pada tahap yang kritikal dan amat membimbangkan. Sebab utama kemunculan dan berkembangnya ajaran sesat ini adalah kejahilan terhadap agama Islam itu sendiri. Kejahilan ini wujud bukan sahaja pada pengikut malahan juga kepada ketua atau guru ajaran sesat itu sendiri. Kejahilan itu boleh disimpulkan seperti berikut:

1. Jahil tentang sumber-sumber utama ajaran Islam yang sebenar telah mendorong seseorang individu itu mempelajari mengenai Islam dari sumber yang tidak wajar sehingga ia membuat kesimpulan dan kefahaman yang salah tentang Islam. Hasil dari kefahaman yang salah tersebut, diajarkan pula kepada orang lain. Pengetahuan agama Islam yang cetek, yang mana mereka yang terpengaruh kepada ajaran sesat ini didapati tidak mempunyai asas agama yang kukuh dan longgarnya pegangan iman.
2. Jahil tentang sifat-sifat serta keilmuan para ulama' yang sebenar sehingga tidak tahu dan tidak boleh membezakan antara seseorang yang alim atau sebaliknya.
3. Jahil tentang ilmu-ilmu seperti ulum al-Quran, ulum al-Hadis dan usul fiqh yang membantu kepada proses kefahaman yang betul dan tepat terhadap al-Quran dan as-Sunnah.

Ajaran sesat juga dilihat berkembang kerana disokong pula oleh faktor-faktor seperti berikut:

1. Penggunaan ayat-ayat al-Quran bagi menyokong ajaran dan tafsiran yang dibuat. Masyarakat umum biasanya menerima apa sahaja yang dikatakan datang dari al-Quran dan kurang memeriksanya. Ketua atau guru ajaran sesat akan mengambil kesempatan dengan memberikan terjemahan atau tafsiran ayat al-Quran mengikut logik akal dan untuk kepentingan diri semata-mata tanpa mempunyai kelayakan dan ilmu dalam bidang tafsir.
2. Keghairahan masyarakat yang cetek kefahaman tentang Islam untuk mencari ilmu-ilmu Islam dan keinginan yang amat sangat untuk mendapat sesuatu yang tinggi dan bernilai tanpa mengetahui latarbelakang guru yang mengajar.

3. Kebijaksanaan guru dalam menyampaikan ajarannya sesuai dengan logik yang dapat diterima oleh akal dan dengan gaya penyampaian yang memukau.
4. Dorongan yang kuat untuk memperoleh kepentingan hidup di dunia. Pada peringkat ketua atau guru, ia mempunyai kemahuan untuk hidup dalam keadaan serba mewah dengan menggunakan kebijaksanaannya untuk mencapai tujuan tersebut seperti mengatakan dosa boleh ditebus melalui bayaran yang tertentu dan sebagainya. Pada peringkat pengikut pula, ia didorong oleh keyakinan bahawa guru berkenaan mampu memberinya kesenangan atau kekayaan. Perkara seperti ini banyak berlaku dalam aktiviti perbomohan.
5. Dorongan yang kuat untuk mengecap kepuasan seks seperti ajaran yang menyatakan bahawa tidak sah sesuatu pernikahan sebelum guru melaksanakan nikah batin ataupun untuk mensucikan diri pengikut perlu melakukan nikah batin dengan guru bagi mendapatkan keberkatan.
6. Dorongan yang kuat untuk memperoleh kedudukan sosial. Di kalangan ketua atau guru ajaran sesat, keinginan untuk dihormati, disanjung dan memiliki pengaruh serta kedudukan yang tinggi telah mendorong mereka menyebarkan ajaran yang menyeleweng seperti mendakwa diri sebagai wali, Imam Mahdi, wakil Tuhan, Nabi Isa, Rasul Melayu dan sebagainya. Bagi pengikut pula, ada di kalangan mereka yang mengikuti ajaran tertentu kerana meyakini ajaran berkenaan akan membantu mereka mencapai status sosial yang tinggi seperti diberikan jawatan atau pangkat sebagai orang kanan atau orang kepercayaan ketua atau guru ajaran sesat.
7. Faktor psikologi dan mental. Terdapat di kalangan ketua atau guru ajaran sesat yang didapati mempunyai gangguan mental yang menimbulkan pelbagai khayalan dan lintasan. Di kalangan pengikut pula, pada peringkat awal ramai daripada mereka yang terpengaruh ini asalnya kerana faktor psikologi dan masalah mental seperti tekanan

perasaan dan masalah kehidupan serta rumahtangga. Apabila ia bertemu atau diperkenalkan kepada individu yang salah dan ia mempunyai keyakinan bahawa ketua atau guru itu boleh dijadikan sebagai tempat bergantung, mereka ini akan terus percaya dan mudah terpedaya.

8. Kepercayaan terhadap mistik. Semua peringkat masyarakat mempunyai kepercayaan terhadap mistik dan perkara ghaib. Naluri seperti ini mudah diambil kesempatan oleh ketua atau guru ajaran sesat untuk pelbagai kepentingan.
9. Begitu juga mereka yang terlanjur dengan dosa atau maksiat yang telah dilakukan, mahu bertaubat dengan jalan yang ringkas, mudah dan cepat (*shortcut & recover*). Dalam perkara ini, hanya ketua atau guru ajaran sesat sahaja boleh memberikan jaminan.
10. Sesetengah daripada mereka malu untuk mendalami agama Islam dengan guru yang muktabar dan di tempat terbuka seperti di masjid dan surau atas dasar umur yang telah lanjut, pangkat dan kekayaan di samping terikut-ikut dengan ajakan atau pelawaan rakan.

KUMPULAN AL-ARQAM.

Kumpulan Al-Arqam atau Darul Arqam yang diasaskan dan dipimpin oleh Ashaari Muhammad serta membawa pegangan Aurad Muhammadiyah telah difatwakan sebagai ajaran salah / sesat oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 12 Julai 1994. Fatwa ini telah diwartakan pada 11 Ogos 1994.

CIRI-CIRI KESALAHAN.

Percanggahan dari sudut aqidah.

1. Mendakwa Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi sebenarnya tidak mati, hanya ghaib dan akan muncul sebagai Imam Mahdi.

2. Menyamakan taraf Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi dengan Khulafa' ar-Rasyidin melalui syahadah dan wirid.
3. Beramal dengan majlis yaqazah yang didakwa dihadiri oleh Rasulullah s.a.w. , Khulafa' ar-Rasyidin dan roh beberapa orang ahli al-Arqam.
4. Pengikut boleh beryaqazah dengan Ashaari Muhammad setelah beliau beryaqazah dengan Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi.
5. Berpegang dan beramal dengan mimpi.
6. Mendakwa Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi menerima Aurad Muhammadiyah dari Rasulullah s.a.w. di dalam Kaabah secara jaga.
7. Mengaitkan peristiwa kematian, sakit dan nasib malang orang-orang tertentu yang menentang fahaman mereka sebagai tanda balasan dan hukuman daripada Allah s.w.t.
8. Memberi jaminan bahawa Allah s.w.t. menerima taubat ahli-ahlinya (al-Arqam) serta mengenalpasti ahli-ahli tertentu sebagai ahli syurga.
9. Mempercayai bahawa Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi tidak mati malah ghaib dan boleh membantu ahli al-Arqam untuk memenuhi hajat mereka serta boleh mengelakkan ahli dari mengalami sebarang kesusahan dengan menyeru namanya.
10. Membuat ramalan kiamat akan berlaku pada kurun 15 Hijrah.
11. Ashaari Muhammad membuat ramalan mengenai tarikh kelahiran Imam Mahdi yang didakwa kurang 7 tahun selepas tahun 1988 (iaitu 1995).

12. Ashaari Muhammad dianggap oleh pengikutnya sebagai orang yang bakal mempunyai daulah yang kononnya telah dijadualkan oleh Allah s.w.t. sebelum menjelamanya Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi sebagai Imam Mahdi.
13. Kesetiaan membuta tuli pengikutnya kepada Ashaari Muhammad yang mendakwa ia dari keturunan Bani Tamim dan dianggap sebagai wali yang mempunyai karamah.

Percanggahan dari sudut syariah.

1. Tafsiran Ashaari Muhammad pada ayat ke 3, surah an-Nisaa' didapati berlawanan dengan tafsiran oleh para ulama' muktabar.
2. Mendakwa Rasulullah s.a.w. mempunyai 37 orang isteri.
3. Menolak pandangan atau fatwa dari jumhur ulama' sekiranya ia bertentangan dengan matlamat kumpulan al-Arqam.
4. Mengamalkan poligami yang tidak menepati prinsip-prinsip Islam.
5. Memecahbelahkan keluarga.

Percanggahan dari sudut akhlak.

1. Kumpulan al-Arqam didapati menyuntik propaganda dengan memperlekeh, mengecam, mencaci dan memfitnah para ulama' muktabar.
2. Menimbulkan propaganda dengan membuktikan kejayaan al-Arqam di samping mempertkai kewibawaan pentadbiran pihak berkuasa agama di peringkat pusat dan negeri.

3. Mengeksploitasi kanak-kanak dengan menjaja bahan terbitan atau produk keluaran al-Arqam.
4. Sistem pendidikan kumpulan ini memupuk dan menanam sifat taksub dan pendewaan di kalangan ahli terhadap Ashaari Muhammad.
5. Program kebudayaan al-Arqam yang menonjolkan imej kumpulan ini adalah untuk meraih simpati dan sokongan masyarakat.

RUFAQA' CORPORATION SDN. BHD.

Syarikat ini telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1997 di Rawang, Selangor sewaktu Ashaari Muhammad ditahan di bawah ISA. Pengerusi Eksekutif dan pemiliknya adalah Ashaari Muhammad iaitu pengasas al-Arqam.

Syarikat ini beralamat di No. 33G, Jalan Desa 9/6, Bandar Country Homes, 48000 Rawang, Selangor. Ia boleh dihubungi melalui talian 03-67331255, fax 03-67331443, email info@rufaqa.com. Segala maklumat berkenaan aktiviti syarikat ini boleh diakses melalui laman web www.rufaqa.com.

Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dengan no. Pendaftaran : 426782-V dan didaftarkan atas nama Ashaari bin Mohammad (no. k/p : 371030-05-5049) sebagai pemegang saham terbesar (78.2%), Mohamad bin Abu Bakar (no. k/p : 540805-11-5401) memiliki 40,000 syer dan Fahrur Razi bin Shaari (no. k/p : 610123-10-5725) memiliki 52,500 syer.

Pada dasarnya, syarikat ini ditubuhkan oleh bekas pengikut kumpulan al-Arqam yang telah diharamkan pada tahun 1994. Penubuhan syarikat ini juga dilihat sebagai usaha untuk menghidupkan semula al-Arqam, tetapi sedikit berbeza melalui cara berpakaian dengan tidak lagi memakai pakaian jubah hijau dan berserban yang telah menjadi imej kumpulan al-Arqam suatu ketika

dahulu. Mereka kini dilihat lebih berhati-hati dalam soal berpakaian agar kegiatan mereka yang masih mengamalkan Aurad Muhammadiyah tidak diketahui umum.

Berasaskan rekod pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (6 September 2006), terdapat 5 syarikat yang didaftarkan atas nama Rufaqa'. Syarikat tersebut adalah seperti berikut :

1. Rufaqa Corporation Sdn. Bhd.
2. Rufaqa Enterprise Sdn. Bhd.
3. Rufaqa Selatan sdn. Bhd.
4. Rufaqa Technology Sdn. Bhd.
5. Rufaqa Ternak Sdn. Bhd.

Rekod terkini menyatakan terdapat 80 premis perniagaan yang didaftarkan atas nama Rufaqa. Daripada jumlah tersebut, 43 buah premis diklasifikasikan sebagai masih aktif, 21 buah premis telah ditamatkan pendaftarannya, manakala 16 buah premis lagi telah tamat tempoh pendaftaran. Syarikat ini memiliki 4 pusat utama projek perniagaan yang telah dibangunkan iaitu :

1. Projek Rufaqa Tengah (Bandar Country Homes & Kota Damansara).
2. Projek Rufaqa Utara (Kedah).
3. Projek Rufaqa Selatan (Rompin, Pahang).
4. Projek Rufaqa Timur (Kelantan & Terengganu).

Kegiatan perniagaan syarikat ini meliputi agensi pelancongan, studio rakaman, poliklinik, klinik bersalin, motel, pusat servis kenderaan, kedai kek dan roti, perpustakaan, pasaraya, restoran, pusat tuisyen, tadika, sekolah, kedai photostat, kedai dobi dan lain-lain bagi menampung aktiviti harian mereka. Di Bandar Country Homes, syarikat ini beroperasi di 8 blok rumah kedai.

Terdapat syarikat lain yang berada di bawah rangkaian syarikat ini iaitu kumpulan nasyid Mawaddah. Kumpulan nasyid ini dilihat agak aktif dalam

bidang kesenian, kebudayaan dan perniagaan makanan. Adalah disyorkan agar semua pihak atau agensi kerajaan sama ada di peringkat negeri atau pusat tidak mengundang kumpulan nasyid ini dalam mana-mana majlis rasmi atau diberikan ruang / tempat untuk mengadakan persembahan.

Berdasarkan kajian yang telah dibuat, didapati bahawa Rufaqa' adalah lebih berbahaya dan menyeleweng dari kumpulan al-Arqam yang telah diharamkan sebelum ini. Berikut dipaparkan ciri kesalahan yang diamalkan oleh kumpulan ini.

CIRI-CIRI KESALAHAN.

Percanggahan dari sudut aqidah.

1. Ashaari Muhammad adalah Sahibul Zaman (Mujaddid), manakala Syeikh Muhammad as-Suhaimi pula sebagai Imam Mahdi.
2. Ashaari Muhammad mempunyai kelebihan meramal dan mengetahui perkara yang akan berlaku pada masa hadapan. Setiap ramalan tersebut dianggap oleh para jamaahnya sebagai sebahagian daripada jadual Tuhan untuk memberi kemenangan kepada mereka.
3. Ashaari Muhammad mendapat ilmu secara langsung daripada Syeikh Muhammad as-Suhaimi dan Rasulullah s.a.w. berkenaan perkara yang akan berlaku pada masa hadapan.
4. Mujaddid atau Sahibul Zaman (Ashaari Muhammad) mendapat ilmu terus dari Allah (ilham, ilmu ladduni atau kasyaf) yang meliputi persoalan agama, dunia, hal ehwal semasa, pemerintahan, bina insan dan lain-lain. Ilmu dari Tuhan datang kepadanya seperti air sungai yang mengalir.
5. Ahli jamaah yang banyak menghayati minda Abuya dan dapat pula melaksanakannya adalah orang yang paling kuat hubungan mental dengan Abuya.

6. Minda Abuya itu sebenarnya adalah wahyu dari Tuhan. Walaubagaimanapun, wahyu yang diturunkan kepada Abuya adalah 1/46 daripada kenabian.
7. Allah hendak mengangkat kembali Islam di akhir zaman dengan menghantar Sahibul Zaman (Ashaari Muhammad), Imam Mahdi (Syeikh Muhammad as-Suhaimi) dan Nabi Isa a.s. yang telah tersedia oleh Allah untuk melaksanakan jadual Tuhan.
8. Minda Abuya difahami sebagai intisari al-Quran dan Hadis, dan Abuya adalah orang Tuhan yang berupaya menyampaikan intisari tersebut kepada pengikutnya untuk diamalkan. Dengan itu, tidak perlu lagi merujuk kepada al-Quran dan Hadis kerana minda sudah lengkap.
9. Perjuangan jamaah ini dibantu dan dilindungi oleh para Rijal Ghaib yang terdiri daripada para malaikat, jin Islam dan roh-roh muqaddas (roh suci para ahli jamaah yang telah meninggal dunia).
10. Bertawassul kepada Abuya ketika menghadapi sesuatu kesulitan atau kecemasan. Dengan tawassul tersebut, Abuya akan menghantar bantuan sama ada menggunakan jin Islam atau dengan karamahnya.
11. Abuya adalah manusia yang hebat, malah lebih hebat daripada orang lain. Menurut mereka hubungan dengan ibu bapa hanya terbatas di dunia sedangkan hubungan dengan Abuya kekal sehingga ke akhirat.
12. Allah akan memberitahu Abuya tentang musibah sakit yang dialami oleh ahli jamaah. Sekiranya sakit tersebut tidak tertanggung oleh ahli jamaah, Abuya boleh meminta agar Allah meringankan derita pada kadar yang mampu ditanggung oleh ahli jamaah.
13. Abuya mempunyai kelebihan untuk menangguhkan ajal sekiranya ahli jamaah yang sampai ajal itu masih banyak dosa.

14. Abuya boleh meminta Allah menggantikan ajal kepada ahli jamaah lain yang telah sempurna iman dan taqwa.
15. Sewaktu ahli jamaah sedang nazak, Abuya akan hadir dan berada di sebelah kanan kepala dengan mengajarkan talkin. Dengan itu, syaitan tidak akan menyesatkan ahli jamaah tersebut.
16. Sewaktu ahli jamaah sedang disoal oleh malaikat di alam kubur, Abuya akan datang menemani dan menjawab soalan malaikat bagi pihak ahli jamaah. Dengan itu, ahli jamaah terlepas seksaan kubur.
17. Sewaktu di padang mahsyar, Abuya menunggu-nunggu untuk memberikan syafaatnya kepada para pengikutnya.

Percanggahan dari sudut syariah.

1. Ibadah sembahyang Jumaat pada mereka adalah tidak wajib kerana kerajaan yang ada sekarang bukan kerajaan Imam Mahdi.
2. Sahibul Zaman (Ashaari Muhammad) tidak memerlukan kitab dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ilmunya datang terus dari Allah dalam bentuk ilham.
3. Orang yang berjuang dengan memiliki minda Abuya adalah lebih tinggi pahala dan darjatnya jika dibandingkan dengan mereka yang tidak mempunyai minda dalam perjuangan.
4. Seorang ahli ibadah (`abid) hanya mampu menjadi hamba biasa kerana tidak mempunyai minda (wahyu) dan tidak boleh menjadi khalifah.
5. Al-Quran yang ada sekarang hanya tinggal mashaf dan lafaz sahaja. Roh al-Quran telah ditarik balik oleh Tuhan dan hanya diberikan kepada mujaddid (Ashaari Muhammad).

6. Sembahyang sehari semalam hanya 3 waktu sahaja iaitu Subuh, sembahyang jamak antara Zohor dan Asar serta Maghrib dan Isyak.
7. Segala amalan baik di dunia tidak dapat menandingi amalan pengikut Abuya walaupun seseorang itu bersembahyang, berpuasa dan berpuluh kali menunaikan ibadah haji.
8. Duduk semajlis dengan Abuya pahalanya lebih tinggi daripada mengerjakan sembahyang selama 40 tahun atau sembahyang tahjud sepanjang hayat.
9. Beramal dengan Aurad Muhammadiyah sebagai satu cara untuk menjaga hubungan hati atau rohani dengan Abuya. Dengan mengamalkan Aurad Muhammadiyah, para jamaah akan sentiasa dipantau dan dibimbing secara rohaniah oleh Abuya.
10. Amalan Aurad Muhammadiyah akan terbatal sekiranya para jamaah melakukan dosa besar, tidak mengamalkannya 7 hari berturut-turut, tidak taat dan yakin serta mengaibkan Abuya.
11. Mengamalkan zikir agung yang terkandung di dalamnya unsur tawassul, menyeru roh orang yang telah mati serta mendakwa bahawa Syeikh Muhammad as-Suhaimi sebagai Imam Mahdi.

Percanggahan dari sudut akhlak.

1. Ulama' yang ada sekarang adalah ulama' kitab atau ulama' hafalan yang bergantung kepada kitab dan hafalan untuk mengajar. Manakala Sahibul Zaman pula ilmunya datang terus dari Tuhan.
2. Orang yang menuntut ilmu agama sehingga ke peringkat Phd adalah tidak bermanfaat kerana ilmu yang dituntut itu bersumberkan kitab lama dan ketinggalan zaman.

3. Memandang rendah kepada para ulama' sekarang dengan mendakwa ilmu mereka tidak seberapa berbanding dengan ilmu orang Tuhan (Ashaari Muhammad).
4. Allah melarang ulama' yang berwatak Nabi berjuang melainkan setelah munculnya mujaddid yang berwatak Rasul.

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 2 Oktober 2006 telah memutuskan bahawa ajaran atau amalan Kumpulan Rufaqa' adalah sesat dan menyelerang dari ajaran Islam yang sebenar.

PENILAIAN DAN ULASAN BUKU ASHAARI MUHAMMAD PEMIMPIN PALING AJAIB DI ZAMANNYA.

1. Muka surat vi (baris 12-16).

Mendakwa Ashaari Muhammad adalah mujaddid dan diyakini sebagai pembantu Imam Mahdi.

2. Muka surat vi (baris 18-22).

Mendakwa Rasulullah s.a.w. berjumpa, berkomunikasi serta membawa berita bahawa beliau (Ashaari Muhammad) adalah Putera Bani Tamim.

3. Muka surat x, perenggan 4 (baris 1-3).

Pengikut Abuya mendakwa hanya Abuya yang boleh membawa mereka mengingati Tuhan, sedangkan mereka sebenarnya menafikan para nabi dan rasul sebagai Utusan dan Kekasih Allah yang lebih utama.

4. Muka surat x, perenggan 2 (baris 1-2).

Mendakwa seolah-olah jika tidak kerana Abuya, pengikutnya tidak mempunyai Tuhan.

5. Muka surat 8, perenggan 3 (baris 8-9).

Mendakwa poligami tidak boleh dipertahankan jika tidak bersama Abuya dalam jamaahnya. Ini jelas telah menafikan tentang ketentuan dan takdir Allah s.w.t. yang Maha Berkuasa dan Maha Mengetahui terhadap sesuatu perkara.

6. Muka surat 12, perenggan 2 (baris 1-14).

Membuat persamaan taraf antara Rasulullah s.a.w. dengan Ashaari Muhammad dalam aspek keilmuan dengan mendakwa ilmunya adalah melalui ilham sebagaimana Rasulullah menerima wahyu.

7. Muka surat 13 (baris 1-30).

Mendakwa keilmuan Abuya mendapat pengiktirafan dari sarjana di Indonesia melalui tesis Phd. Sedangkan diketahui umum bahawa kebanyakan pemikiran para sarjana di Indonesia adalah pemikiran yang liberal.

8. Muka surat 14 (baris 3-6).

Memperlekeh serta menafikan keilmuan para ulama' dan mufti di Malaysia.

9. Muka surat 15 (baris 5-16).

Abuya gemar membuat ramalan dengan mendakwa memperolehinya melalui mimpi yang benar, mempunyai kasyaf serta mendapat berita ghaib melalui talian roh seperti ilham dan yaqazah.

10. Muka surat 16 (baris 19).

Mendakwa dosa boleh ditebus dengan bersedekah.

11. Muka surat 18 (baris 17-32).

Menyamatarafkan Abuya dengan Rasulullah s.a.w.

12. Muka surat 21 (baris 9-17).

Abuya mendakwa dia adalah orang kanan atau pembantu Imam Mahdi.

13. Muka surat 28 (baris 5-12).

Mendakwa dan memperakui bahawa Syeikh Muhammad as-Suhaimi adalah Imam Mahdi.

14. Muka surat 28 (baris 17-21).

Mempercayai dan memperakui dakwaan Syeikh Muhammad as-Suhaimi bahawa dia akan dighaibkan Allah, serta Allah mengizinkannya untuk dilihat seperti meninggal dunia.

15. Muka surat 36 (baris 17-28).

Menyamatarafkan Syeikh Muhammad as-Suhaimi dengan Nabi Isa a.s. dengan mendakwa beliau mempunyai segala ciri Imam Mahdi dan ghaib seperti Nabi Isa a.s.

16. Muka surat 39 (baris 20-27).

Mendakwa kitab-kitab agama yang ditulis oleh penulis sezaman dengan Abuya dan masa kini adalah bersandarkan akal semata-mata, bukan bersandarkan agama.

17. Muka surat 41 (baris 2-10).

Mendakwa Abuya adalah orang Tuhan.

18. Muka surat 41 (baris 16-18).

Mendakwa mujaddid sebenarnya (Ashaari Muhammad) adalah orang yang diilhamkan oleh Allah melalui roh Rasulullah.

19. Muka surat 47 (baris 6-11).

Mendakwa Ashaari Muhammad adalah orang Tuhan, orang Rasul yang diberikan wahyu atau ilham.

20. Muka surat 47 (baris 12-16).

Mendakwa Abuya menerima ilmu terus dari Rasulullah melalui talian roh.

21. Muka surat 72 (baris 8-12).

Abuya mendakwa dalam mimpi ia melihat dirinya diperbaiki oleh gurunya iaitu Syeikh Mahmud Bukhari.

22. Muka surat 107 (baris 13-19).

Mendakwa 2 tokoh yang disiapkan Tuhan adalah Putera Bani Tamim (Ashaari Muhammad) dan Imam Mahdi (Syeikh Muhammad as-

Suhaimi). Manakala roh Rasulullah yang telah wafat merupakan penggerak utama.

23. Muka surat 107 (baris 33-34).

Mendakwa Rasulullah s.a.w. telah menganugerahkan Aurad Muhammadiyah kepada Syeikh Muhammad as-Suhaimi dan Ashaari Muhammad.

24. Muka surat 135 (baris 15-19).

Mendakwa Abuya dilantik oleh Tuhan sebagai pemimpin di zamannya.

25. Muka surat 135-136 (baris 31-33).

Mendakwa keselamatan dunia dan akhirat bagi seseorang itu adalah melalui 2 baiah. Pertama, mengucap dua kalimah syahadah. Kedua, menerima serta taat kepada pemimpin yang dilantik oleh Tuhan (Ashaari Muhammad).

26. Muka surat 138 (baris 29-34).

Mendakwa Allah memberikan abuya 'power' yang boleh memanggil duit, ilmu serta segala keperluannya.

27. Muka surat 142 (baris 14-16).

Mendakwa Rasulullah dan Imam Mahdi selalu menziarahi Abuya ketika beliau sakit.

28. Muka surat 147 (baris 26-33).

Mendakwa Rasulullah dan Imam Mahdi datang kepada Abuya secara roh untuk mengajar dan memberi ilmu.

29. Muka surat 148 (baris 3-5).

Mendakwa Rasulullah dan Imam Mahdi berbual secara jaga dengan Abuya.

30. Muka surat 152 (baris 8-18).

Mendakwa Rasulullah dan Imam Mahdi sering memberikan pertolongan kepada Abuya, jika tidak perjuangannya sudah lama berkubur.

31. Muka surat 157 (baris 27-35).

Mendakwa Abuya bertemu dengan Nabi Ibrahim di tempat baginda dibakar oleh kaumnya.

32. Muka surat 171 (baris 11-16).

Mereka yang terkeluar dari jamaah Abuya akan kehilangan hubungan dengan Tuhan, hilang imannya serta menjadi penentang agama atas nama agama.

33. Muka surat 197-198 (baris 27-34).

Mendakwa Abuya boleh menangguhkan kematian seseorang.

34. Muka surat 213 (baris 34-36).

Mendakwa Imam Mahdi akan datang selepas berlaku daulah Islamiyah di Malaysia dalam tempoh 3-4 tahun lagi (2009/2010).

35. Muka surat 219 (baris 14-22).

Mendakwa Syeikh Muhammad as-Suhaimi bertemu dengan Rasulullah secara jaga di dalam Kaabah dan menerima Aurad Muhammadiyah.

36. Muka surat 240 (baris 31-360).

Abuya mendakwa boleh memberi 'power' dengannya seseorang itu boleh mendapatkan pertolongan Allah.

IMPLIKASI ATAU KESAN AJARAN SESAT KEPADA UMAT ISLAM.

1. Membawa kemungkinan seseorang itu menjadi murtad kerana syirik atau menyalahi prinsip-prinsip utama ajaran Islam.
2. Menyebabkan ibadah dan amalan seseorang itu tidak diterima dan menjadi sia-sia.
3. Menyebabkan perpecahan dan permusuhan sesama umat Islam. Khususnya apabila sesebuah ajaran berkenaan mendakwa bahawa orang yang selain dari kumpulannya adalah salah atau kurang keislamannya jika dibandingkan dengan mereka. Terdapat juga dakwaan yang mengatakan orang yang tidak mengikuti kumpulan mereka adalah kafir.
4. Menggalakkan kehidupan yang bertunjangkan pemuasan nafsu sehingga melahirkan anak luar nikah dan amalan seks bebas dalam masyarakat.
5. Menimbulkan ancaman pada keselamatan negara dan keharmonian masyarakat seperti yang berlaku pada 2 Julai 2000 yang melibatkan kumpulan al-Maunah dan beberapa contoh lain.

6. Menghalang kemajuan dan pembangunan masyarakat serta negara. Banyak masa, tenaga dan peruntukan perlu dihabiskan untuk menangani gejala ini.
7. Menghambat kemajuan dakwah. Seringkali kemunculan ajaran sesat ini telah memalingkan fokus usaha dakwah dari keutamaan yang lain.
8. Memberi gambaran dan imej yang tidak baik kepada Islam dan umat Islam khususnya terhadap saudara baru dan mereka yang masih belum beragama Islam.

LANGKAH MENGATASI PERKEMBANGAN AJARAN SESAT.

1. Melalui pengeluaran dan pewartaan fatwa. Sesebuah kumpulan atau ajaran yang didapati sesat dan menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar akan dilakukan siasatan terlebih dahulu bagi mendapatkan kesahihan dan bukti yang nyata. Satu kertas kerja yang lengkap akan dikemuka dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sebelum sesuatu fatwa mengeai ajaran sesat itu dikeluarkan seterusnya diwartakan untuk diambil tindakan.
2. Melalui tindakan penguatkuasaan. Apabila sesuatu fatwa mengenai ajaran sesat itu telah diwartakan, tindakan penguatkuasaan akan diambil bagi membendung perkembangan seterusnya melumpuh dan menghapuskan ajaran tersebut.
3. Majlis penjelasan ajaran sesat. Majlis penjelasan atau penerangan akan sentiasa disemarak dan diperhebatkan yang meliputi pelbagai peringkat dan lapisan masyarakat serta memberi tumpuan kepada semua daerah dan golongan sasaran.
4. Pusat Pemurnian Aqidah. Negeri Selangor telah menubuhkan **Baitul Aqidah** dalam usaha untuk membantu dan mendidik golongan yang pernah terjebak dalam gejala ini bagi memberi kefahaman yang sebenar

tentang agama Islam dan membimbing kembali mereka kepada ajaran Islam yang sebenar.

5. Memberikan perhatian terhadap masalah yang boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat dengan memberikan penerangan terhadap isu-isu semasa.
6. Memperbanyakkan penerbitan bahan yang berkaitan ajaran sesat sebagai panduan masyarakat Islam.
7. Mendapatkan kerjasama semua pihak dalam usaha menyalurkan maklumat berkaitan ajaran sesat di sesebuah kawasan sebelum ianya berkembang dengan lebih luas.

PENUTUP.

Kebimbangan kita sebagai umat Islam di negeri ini tentang prospek perkembangan ajaran sesat yang semakin menular sebenarnya mempunyai asas yang sangat kukuh. Ia akan membawa kepada suatu implikasi yang amat besar sekiranya usaha memerangi ajaran sesat ini dilakukan secara bermusim. Kesan daripada perkembangan ajaran sesat ini akan membawa kepada terhakisnya iman dari sanubari umat Islam melalui amalan yang bertentangan dengan aqidah dan syariat Islam. Ia juga boleh membawa kepada perpecahan dalam keluarga, di samping akan mengancam keselamatan negara jika perkembangan sesuatu ajaran sesat itu tidak dipantau secara kerap dan berkala.

Oleh yang demikian, negeri Selangor khususnya yang telah diiktiraf sebagai sebuah negeri maju, telah merangka dan mengambil langkah awal bagi menangani permasalahan ini. Kerajaan negeri sentiasa memberikan penjelasan kepada masyarakat melalui pelbagai platform bagi memberi kesedaran dan melakukan perang psikologi kepada pengikut ajaran sesat. Fatwa-fatwa ajaran sesat yang telah diwartakan sentiasa disebar-luaskan kepada semua lapisan masyarakat melalui pelbagai cara dan strategi. Majlis

Penjelasan Aqidah dan kursus-kursus berkaitan pemantapan aqidah sentiasa diadakan dari masa ke semasa.